

SOALAN NO: 29

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA. PENGGAL KETIGA.**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS.**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD  
HARUN NARRASHID

TARIKH: 19 MEI 2015

SOALAN:

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah Kementerian mempunyai perancangan strategik khusus membantu golongan kurang upaya untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai untuk golongan ini.

PR-1332-L68910

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan yang mulia, di antara langkah-langkah dan perancangan Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) untuk membantu golongan Orang Kurang Upaya (OKU) mendapat pekerjaan adalah seperti berikut:

vii) **Skim Bantuan Latihan (SBL)**

Melalui Skim Bantuan Latihan (SBL) di bawah Perbadanan Sumber Manusia Berhad, KSM, juga menawarkan kepada mereka bantuan kewangan ke atas yuran yang dibelanjakan bagi mendapat khidmat sokongan *job coach* untuk membantu pekerja OKU di tempat pekerjaan, dan

Tuan Yang Di Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia, bagi tempoh Januari sehingga Disember 2014 Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah berjaya membuat sebanyak 112 penempatan pekerjaan kepada pencari-pencari kerja golongan Orang Kurang Upaya (OKU) ke alam pekerjaan. Daripada jumlah itu, seramai 76 OKU (67.85%) adalah daripada JobsMalaysia dan selebihnya sebanyak 36 (32.15%) adalah OKU daripada SBGP-OKU.